

D.R. 27/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1993. Tajuk nngkas.

2. Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 333.

(a) dalam takrif "anggota Angkatan" dengan memotong perkataan-perkataan ", pegawai polis tambahan, pegawai polis simpanan sukarela atau pegawai polis pembantu, yang dilantik di bawah Akta Polis 1967";

(b) dengan memasukkan selepas takrif "kenderaan perdagangan" takrif yang berikut:

"kenderaan perkhidmatan awam" hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987;";

(c) dengan memasukkan selepas takrif "pegawai pengangkutan jalan" takrif yang berikut:

' "pegawai polis" termasuklah seorang pegawai polis tambahan, pegawai polis simpanan sukarela atau pegawai polis pembantu yang dilantik di bawah Akta Polis 1967;'; dan

(d) dengan menggantikan takrif "pemandu" dengan takrif yang berikut:

' "pemandu" ertinya orang yang pada masa itu sedang memandu sesuatu kenderaan motor dan, dalam hal sesuatu kenderaan motor yang tidak bergerak, termasuklah orang yang pada masa itu bertanggungjawab bagi memandu kenderaan motor itu;'.

Seksyen baru 3A. 3. Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

“Pemberi-kuasaan kepada Datuk Bandar dan pegawai Majlis Bandaraya. 3A. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, apabila dibuat permohonan oleh Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya, memberikuasa Datuk Bandar dan pegawai-pegawai atau orang-orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas-tugas yang dikenakan oleh Akta ini ke atas Dato Bandar atau warden lalulintas, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menghadkan kuasa-kuasa yang akan diberikan kepada dan tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh Datuk Bandar dan pegawai-pegawai atau orang-orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu.

(3) Apabila dibuat pemberikuasaan di bawah subseksyen (1), Datuk Bandar dan pegawai-pegawai atau orang-orang dalam

perkhidmatan Majlis Bandaraya itu bolehlah menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas-tugas yang dikenakan oleh Akta ini ke atas Dato Bandar atau warden laJulintas, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah—

- (a) sebutan mengenai "Dato Bandar" ialah sebutan mengenai Datuk Bandar Majlis Bandaraya itu;
- (b) sebutan mengenai "pegawai dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur" dan "orang dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur" ialah sebutan mengenai pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu masing-masingnya;
- (c) sebutan mengenai "Bandaraya Kuala Lumpur" dan "Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" ialah sebutan mengenai Majlis Bandaraya itu atau Bandaraya itu masing-masingnya."

4. Perenggan 5(1)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan ", dan bukan semata-mata disesuaikan," dengan perkataan-perkataan "atau disesuaikan".

Pindaan seksyen 5.

5. Subseksyen 10(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "bagi kawasan pendaftaran" dengan perkataan-perkataan "sesuatu kawasan pendaftaran" dan dengan memotong perkataan-perkataan "di mana kenderaan motor itu disimpan atau akan biasanya disimpan atau, dalam hal sesuatu kenderaan motor yang biasanya tidak disimpan dalam mana-mana satu kawasan tertentu, kepada Pengarah bagi kawasan di mana tempat urusan utama (jika ada) pemunya kenderaan motor itu terletak,".

Pindaan seksyen 10.

Pindaan
seksyen 12.

6. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan-perkataan "memberitahu Pengarah" dengan perkataan-perkataan "memberitahu Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Pemunya berdaftar hendaklah, dalam hal pertukaran casis sesuatu kenderaan motor, mendapatkan kelulusan terdahulu Ketua Pengarah sebelum pertukaran itu."

Pindaan
seksyen 13.

7. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "yang dalam kawasan pendaftarannya kenderaan motor itu didaftarkan" dengan perkataan-perkataan "sesuatu kawasan pendaftaran"; dan
- (b) dalam perenggan (2)(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "bagi kawasan pendaftaran di mana kenderaan motor itu didaftarkan" dengan perkataan-perkataan "sesuatu kawasan pendaftaran".

Pindaan
seksyen 14

8. Subseksyen 14(4) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga".

Pindaan
seksyen 17.

9. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "kenderaan motor itu" dalam perenggan (b) perkataan-perkataan ", termasuk nombor enjin dan casis, kekal terang, jelas dan tak diusik dan"; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "Akta ini" dalam perenggan (d) perkataan-perkataan "atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (I) subseksyen yang berikut:

"(1A) Bagi maksud-maksud perenggan (e) subseksyen (1), suatu perakuan pemeriksaan yang sah yang dikeluarkan berkenaan dengan sesuatu kenderaan motor yang dikehendaki di bawah Akta ini supaya menjalani pemeriksaan berkala hendaklah dikira sebagai bukti *prima facie* bahawa kenderaan itu adalah dalam keadaan mekanikal yang baik dan selamat di jalan."

10. Subseksyen 19(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "yang dengannya kenderaan itu didaftarkan pada masa itu" dengan perkataan-perkataan "sesuatu kawasan pendaftaran".

Pindaan
seksyen 19.

11. Subseksyen 20(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "yang diberi di bawah seksyen 16" perkataan-perkataan ", selain daripada lesen kenderaan motor yang diberikan berkenaan dengan sesuatu motosikal atau kenderaan orang cacat,".

Pindaan
seksyen 20.

12. Subseksyen 22(7) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "yang memberi lesen itu" dengan perkataan-perkataan "sesuatu kawasan pendaftaran".

Pindaan
seksyen 22.

13. Subseksyen 27(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "bagi kawasan pendaftaran di mana pemohon untuk lesen memandu itu bermastautin" dengan perkataan-perkataan "sesuatu kawasan pendaftaran".

Pindaan
seksyen 27.

Pindaan
seksyen 36.

14. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 36 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menggantung lesen memandu penagih dadah.

36. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Ketua Pengarah boleh menggantung lesen memandu seseorang bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu adalah penagih dadah.

(2) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang yang lesennya pada bila-bila masa telah digantung di bawah subseksyen (1) masih menjadi atau tidak berhenti daripada menjadi penagih dadah pada bila-bila masa selepas tempoh penggantungan itu, maka Ketua Pengarah hendaklah menghilangkan kelayakan orang itu untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, seorang pegawai polis atau Pegawai Pemulihan hendaklah, apabila mana-mana orang yang disyaki menjadi penagih dadah ditangkap atau secara sukarela menyerah diri, menahan mana-mana lesen memandu yang dipunyai oleh orang itu sehingga orang itu diperakui sebagai penagih dadah.

(4) Apabila seorang pengamal perubatan kerajaan memperakukan bahawa orang itu adalah penagih dadah, pegawai polis atau Pegawai Pemulihan itu hendaklah, dalam tempoh dua minggu selepas pemerakuan itu, memberitahu sedemikian dan menyerahkan lesen memandu itu kepada Ketua Pengarah yang hendaklah dengan serta merta memberitahu penagih dadah itu secara bertulis mengenai niat untuk menggantung atau menghilangkan kelayakan itu.

(5) Penggantungan atau kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang orang itu diperakukan sebagai penagih dadah.

(6) Jika seseorang memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa dia bukan lagi seorang penagih dadah, Ketua Pengarah hendaklah menghapuskan penggantungan atau kehilangan kelayakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan mengembalikan kepada orang itu mana-mana lesen memandu yang ditahan di bawah seksyen ini.

(7) Dalam seksyen ini, "Pegawai Pemulihan" dan "penagih dadah" hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983." *Akta 283.*

15. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "atau 36" di mana jua terdapat dalamnya. Pindaan seksyen 37.

16. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 38.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan "atau 36" di mana jua terdapat dalamnya; dan

(b) dalam subseksyen (3) dengan memotong perkataan-perkataan "atau apabila penghapusan penggantungan di bawah seksyen 36 dibatalkan".

17. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 45 seksyen yang berikut: Seksyen baru 45A-45G

Memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan. 45A. (1) Mana-mana orang yang, apabila memandu atau cuba memandu sesuatu kenderaan motor atau apabila menjaga sesuatu kenderaan motor di sesuatu jalan atau tempat awam lain, mempunyai sebegitu banyak alkohol di dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Adalah menjadi pembelaan bagi seseorang yang dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) untuk membuktikan bahawa pada masa yang material itu hal keadaan sebegitu rupa sehingga tiada kemungkinan dia memandu kenderaan itu semasa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya masih mungkin melebihi had yang ditetapkan.

(3) Apabila disabitkan bagi kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab-sebab khas memikirkan patut diperintah selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu.

Ujian
nafas.

45e. (1) Jika seseorang pegawai polis yang berpakaian seragam mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki—

- (a) bahawa seseorang telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A; atau
- (b) bahawa seseorang menjadi pemandu atau cuba memandu atau menjaga sesuatu kenderaan motor dalam suatu

kemalangan yang melibatkan satu kenderaan atau lebih di sesuatu jalan awam atau tempat awam lain,

maka dia boleh, tertakluk kepada seksyen 45D, menghendaki orang itu supaya mengadakan spesimen nafas bagi suatu ujian nafas.

(2) Seseorang boleh dikehendaki di bawah subseksyen (1) supaya mengadakan spesimen sama ada di tempat atau dekat dengan tempat di mana kehendak itu dibuat atau, jika kehendak itu dibuat di bawah perenggan (b) subseksyen (1) dan pegawai polis yang membuat kehendak itu memikirkan patut, di balai polis yang ditentukan oleh pegawai itu.

(3) Ujian nafas yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah dilakukan oleh pegawai polis yang menghendaki ujian itu dibuat atau mana-mana pegawai polis lain.

(4) Seseorang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mengadakan spesimen nafas apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Seseorang pegawai polis yang berpakaian seragam boleh menangkap tanpa waran seseorang jika—

(a) disebabkan oleh sesuatu ujian nafas dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing orang itu melebihi had yang ditetapkan; atau

(b) orang itu gagal mengadakan spesimen nafas bagi suatu ujian nafas apabila dikehendaki berbuat demikian menurut

seksyen ini dan pegawai polis itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa dia mempunyai alkohol di dalam badannya,

tetapi seseorang tidak boleh ditangkap menurut kuasa subseksyen ini apabila dia berada di hospital sebagai seorang pesakit.

Pengadaan
spesimen
bagi
analisis.

45c. (1) Dalam menjalankan penyiasatan sama ada seseorang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A, seseorang pegawai polis boleh, tertakluk kepada seksyen ini dan seksyen 45D, menghendakinya—

- (a) supaya mengadakan dua spesimen nafas bagi analisis melalui alat penganalisis nafas yang ditetapkan; atau
- (b) supaya mengadakan suatu spesimen darah atau air kencing bagi suatu ujian makmal,

walaupun dia telah dikehendaki supaya mengadakan spesimen nafas bagi ujian nafas di bawah subseksyen (1) seksyen 45e.

(2) Kehendak supaya mengadakan spesimen nafas di bawah seksyen ini hanya boleh dibuat di suatu balai polis.

(3) Ujian nafas di bawah seksyen ini hanya boleh dilakukan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan atau oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu balai polis dan hanya boleh dilakukan di suatu balai polis.

(4) Kehendak di bawah seksyen ini supaya mengadakan suatu spesimen darah atau air kencing hanya boleh dibuat di balai polis atau

di hospital, tetapi ia tidak boleh dibuat di suatu balai polis melainkan jika—

- (a) pegawai pols yang menghendaknya mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa atas sebab-sebab perubatan suatu spesimen nafas tidak dapat diadakan atau tidak patut dikehendaki;
- (b) pada masa kehendak itu dibuat, alat penganalisis nafas yang ditetapkan itu tidak ada di balai polis itu atau atas apa-apa sebab lain adalah tidak praktik untuk menggunakan alat penganalisis nafas,

dan boleh dibuat walaupun orang yang dikehendaki mengadakan spesimen itu telah mengadakan atau telah dikehendaki mengadakan dua spesimen nafas.

(5) Jika suatu spesimen selain daripada spesimen nafas dikehendaki, pegawai polis yang menghendaknya hendaklah, tertakluk kepada nasihat perubatan, menentukan sama ada ia spesimen darah atau air kencing.

(6) Seseorang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mengadakan spesimen apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Perlin-
dungan
pesakit
hospital.

450. (1) Seseorang yang berada di hospital sebagai pesakit tidak boleh dikehendaki supaya mengadakan suatu spesimen bagi ujian nafas atau mengadakan suatu spesimen bagi ujian makmal melainkan jika pengamal perubatan yang bertanggungjawab secara langsung bagi kesnya membenarkannya dan spesimen itu dikehendaki diadakan di hospital itu.

' (2) Pengamal perubahan yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh membenarkan spesimen diambil jika ia akan memudaratkan penjagaan dan perawatan sempurna pesakit itu.

Penahanan. 45E. (1) Seseorang yang dikehendaki mengadakan spesimen nafas, darah atau air kencing boleh selepas itu ditahan di balai polis sehingga ternyata kepada seorang pegawai polis bahawa jika orang itu memandu atau cuba memandu kenderaan motor di jalan pada masa itu dia tidak akan melakukan kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A, tetapi tempoh penahanan itu tidak boleh melebihi dua puluh empat jam.

(2) Seseorang tidak boleh ditahan menurut seksyen ini jika ternyata kepada seorang pegawai polis bahawa oleh sebab keadaannya tidak mungkin dia boleh memandu atau cuba memandu kenderaan motor.

Keterangan dalam prosiding bagi kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan dan seksyen 45A. 45F. (1) Dalam prosiding bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan dan seksyen 45A, keterangan mengenai kadar alkohol di dalam suatu spesimen nafas, darah atau air kencing yang diadakan oleh tertuduh hendaklah diambil kira dan hendaklah diandaikan bahawa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing tertuduh pada masa kesalahan dikatakan itu tidak kurang daripada yang di dalam spesimen itu; tetapi andaian itu tidak boleh dibuat jika tertuduh membuktikan—

(a) bahawa dia mengambil alkohol setelah dia berhenti memandu, cuba memandu atau menjaga sesuatu kenderaan motor di jalan atau tempat awam lain dan sebelum dia mengadakan spesimen itu; dan

(b) bahawa jika dia tidak berbuat demikian, kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya tidak akan melebihi had yang ditetapkan dan, jika presiding itu adalah bagi kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan, kadar alkohol itu tidaklah sebegitu banyak sehingga menjadikannya tak daya untuk mengawal kenderaan dengan sepatutnya.

(2) Keterangan mengenai kadar alkohol di dalam suatu spesimen nafas, darah atau air kencing boleh, tertakluk kepada subseksyen (4) dan (5), diberikan dengan mengemukakan dokumen atau dokumen-dokumen yang berupa sebagai sama ada—

(a) suatu pernyataan yang dikeluarkan secara automatik oleh suatu alat penganalisis nafas yang ditetapkan dan suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis (yang boleh tetapi tidak semestinya terkandung dalam dokumen yang sama dengan pernyataan itu) bahawa pernyataan itu adalah berhubungan dengan suatu spesimen yang diadakan oleh tertuduh pada tarikh dan masa yang ditunjukkan dalam pernyataan itu; atau

(b) suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang pengamal perubatan kerajaan atau ahli kimia kerajaan tentang kadar alkohol yang terdapat di dalam spesimen darah atau air kencing yang dikenalpasti dalam perakuan itu.

(3) Suatu spesimen darah tidaklah boleh diambil kira melainkan jika ia telah diambil daripada tertuduh dengan persetujuannya oleh seorang pengamal perubatan kerajaan; tetapi keterangan bahawa suatu spesimen darah telah diambil sedemikian boleh diberikan dengan

mengemukakan suatu dokumen yang berupa sebagai memperakui fakta itu dan ditandatangani oleh seorang pengamal perubatan kerajaan.

(4) Suatu dokumen yang berupa sebagai pernyataan atau perakuan sedemikian, atau kedua-duanya, sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (2) boleh diterima dalam keterangan bagi pihak pendakwa menurut seksyen ini hanya jika suatu salinannya sama ada telah diserahkan kepada tertuduh apabila dokumen itu dikemukakan atau telah disampaikan kepadanya tidak lewat daripada tujuh hari sebelum pendengaran itu, dan manamana dokumen lain boleh diterima sedemikian hanya jika suatu salinannya telah disampaikan kepada tertuduh tidak lewat daripada tujuh hari sebelum pendengaran itu; tetapi suatu dokumen yang berupa sebagai sesuatu perakuan (atau sekian banyak daripada suatu dokumen yang berupa sebagai suatu perakuan) tidaklah boleh diterima sedemikian jika tertuduh, tidak lewat daripada tiga hari sebelum pendengaran itu atau dalam apa-apa masa selanjutnya yang dibenarkan oleh mahkamah dalam hal keadaan khas, telah menyampaikan notis kepada pihak pendakwa menghendaki orang yang olehnya dokumen itu berupa sebagai ditandatangani supaya hadir di pendengaran itu.

(5) Jika, pada masa suatu spesimen darah atau air kencing dikehendaki diadakan oleh tertuduh, dia telah meminta supaya diberikan spesimen itu, maka keterangan mengenai kadar alkohol di dalam spesimen itu tidak boleh diterima bagi pihak pendakwa melainkan jika—

(a) spesimen yang di dalamnya alkohol itu didapati adalah satu daripada dua bahagian daripada spesimen yang diadakan oleh tertuduh yang dibahagikan pada masa ia diadakan; dan

(b) bahagian yang satu lagi itu diberikan kepada tertuduh.

(6) Suatu salinan perakuan yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya disampaikan kepada tertuduh atau notis yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya disampaikan kepada pihak pendakwa bolehlah dihantar sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar.

Tafsiran
seksyen
45E hingga
45F.

45o. (1) Bagi maksud-maksud seksyen 45B hingga 45E—

"balai polis" termasuklah mana-mana tempat atau pengangkutan yang dibenarkan atau ditetapkan oleh Ketua Polis Negara untuk digunakan sebagai balai polis;

"gagal" termasuk enggan;

"had yang ditetapkan" ertinya—

(a) 35 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas;

(b) 80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah; atau

(c) 107 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing;

"ujian nafas" ertinya suatu ujian permulaan bagi maksud mendapatkan, dengan menggunakan alat penganalisis nafas yang ditetapkan, tanda sama ada kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing seseorang mungkin melebihi had yang ditetapkan.

(2) Seseorang tidak mengadakan suatu spesimen nafas bagi ujian nafas atau bagi analisis melainkan jika spesimen itu cukup untuk membolehkan ujian atau analisis itu dijalankan dan diadakan dengan cara yang membolehkan tujuan ujian atau analisis itu dicapai dengan memuaskan.

(3) Seseorang mengadakan suatu spesimen darah jika dan hanya jika dia bersetuju spesimen itu diambil oleh seorang pengamal perubatan kerajaan dan ia diambil sedemikian."

Pindaan
seksyen 48.

18. Seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Jika mana-mana orang yang menjaga" dengan perkataan-perkataan "Jika mana-mana pemandu".

Pindaan
seksyen 50.

19. Subseksyen 50(3) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "berada di mana-mana tempat letak kereta" dengan perkataan-perkataan ", melainkan dengan kuasa yang sah, berada di atas mana-mana jalan atau di mana-mana tempat letak kereta"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "di tempat tersebut" dengan perkataan-perkataan "di atas jalan atau di tempat itu".

Pindaan
seksyen 53.

20. Subseksyen 53(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "Jika seseorang pegawai polis" perkataan-perkataan ", warden lalulintas".

Pindaan
seksyen 58.

21. Subseksyen 58(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "yang mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa dia telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini".

Pindaan
seksyen 65.

22. Subseksyen 65(4) Akta ibu adalah dipinda dalam teks bahasa kebangsaan sahaja dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "kepada Dato Bandar jika" perkataan-perkataan "yang menyebabkan 'kenderaan motor itu dialih adalah".

23. Subseksyen 66(1) Akta ibu adalah dipinda—Pindaan
seksyen 66.

(a) dengan menggantikan perenggan (f) dengan perenggan yang berikut:

"(f) bagi mengawalselia penundaan atau penarikan kenderaan-kenderaan motor oleh trak tunda atau kenderaan motor lain dan cara memasangnya dan bagi mengawalselia dan mengawal operasi trak-trak tunda;"

(b) dengan memasukkan selepas perkataan perkataan "penggunaan apa-apa perkakas" dalam perenggan (i) perkataan-perkataan ", perkakas tambahan";

(c) dengan menggantikan perenggan (mm) dengan perenggan yang berikut:

"(mm) bagi menetapkan prosedur berhubung dengan penggunaan dan pengujian alat penganalisis nafas dan prosedur berhubung dengan ujian darah dan air kencing pemandu-pemandu kenderaan motor dan jenis-jenis alat penganalisis nafas yang hendak digunakan;"

(d) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "atau sebab-sebab lain" dalam perenggan (nn) perkataan-perkataan "atau jika nombor casis kenderaan motor itu telah diusik"; dan

(e) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (qq) dengan koma bertitik dan dengan memasukkan selepas koma bertitik itu perenggan yang berikut:

"(rr) bagi mengadakan peruntukan bagi penggunaan pengapit roda atau kelengkapan lain berkenaan dengan kesalahan-kesalahan meletak kereta tertentu, jenis-jenis pengapit roda atau

kelengkapan lain yang hendak digunakan, cara penggunaannya dan fee yang akan dikenakan berkenaan dengan penahanan sesuatu kenderaan motor terbangkit daripada penggunaan pengapit roda."

Pindaan
seksyen 69.

24. Seksyen 69 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Mana-mana orang yang gagal mematuhi had laju kebangsaan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan."

Pindaan
seksyen 70.

25. Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan-perkataan ", tertakluk kepada apa-apa pengecualian dan syarat mengenai pengguna sekali-sekala atau selainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu,"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bahawa jenis atau kategori tertentu kenderaan motor yang dikenalpasti dalam perintah itu boleh dikecualikan daripada mematuhi perintah itu oleh mana-mana orang yang dinyatakan dalamnya."

Pindaan
seksyen 71.

26. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 71 dengan seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk menghadkan kenderaan. 71. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 70, mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan yang diluluskan oleh Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melarang atau menghadkan pemanduan atau

penggunaan mana-mana kelas atau perihalan kenderaan atau kenderaan dengan sekian bilangan penumpang yang ditentukan di sepanjang mana-mana jalan atau di sepanjang jalan-jalan di dalam kawasan pihak berkuasa itu.

(2) Larangan atau had di bawah subseksyen (1) bolehlah tertakluk kepada pembayaran fee dan dalam hal sedemikian perintah itu hendaklah menyatakan fee yang kena dibayar dan cara pemungutannya."

27. Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 72.

- (a) dalam perenggan (1)(b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "tempat letak kereta" perkataan-perkataan "atau tempat-tempat perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan-kenderaan barangan";
- (b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "tempat letak kereta" perkataan-perkataan "atau tempat-tempat perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan-kenderaan barangan";
- (c) dalam perenggan (3)(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "tempat letak kereta" yang mula-mula terdapat dalamnya perkataan-perkataan "atau perhentian"; dan
- (d) dalam subseksyen (7) dengan menggantikan perkataan "satu" dengan perkataan "tiga".

28. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 85 seksyen yang berikut:

Seksyen baru
85A.

“Pembinaan struktur bagi iklan, dsb. 85A. (1) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya (dalam seksyen ini disebut "Menteri" kemudian daripada ini) berhubungan dengan mana-mana

jalan rizab yang bersempadanan dengan jalan Persekutuan atau pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan mana-mana jalan rizab yang lain, di dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), jika jalan rizab itu tidak digunakan pada masa itu bagi maksud yang baginya ia dirizabkan, memberikan hak pendudukan bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian jalan rizab itu kepada mana-mana orang bagi maksud mendirikan struktur bagi iklan atau pengumuman awam lain bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat, termasuk caj pendudukan, sebagaimana yang Menteri atau pihak berkuasa itu menentukan.

(2) Tiada hak pendudukan sedemikian boleh diberikan melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur struktur itu (termasuk butir-butir yang ditetapkan) telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh menghendaki supaya dibayar deposit jaminan dan dibeli insurans liabiliti awam, bagi apa-apa jumlah wang yang Menteri atau pihak berkuasa itu memikirkan patut, oleh pemohon sebagai sebahagian daripada syarat bagi kelulusan.

(3) Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia dan mengawal pembinaan struktur itu."

Pindaan
seksyen 90.

29. Subperenggan 90(5)(a)(iii) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan^perkataan "kerajaan tempatan" perkataan-perkataan "kecuali bagi kenderaan perkhidmatan awam, selain daripada suatu kenderaan pekerja".

30. Subseksyen 108(6) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "sebagai ganti perakuan insurans atau perakuan jaminan" perkataan-perkataan 'dan ungkapan "tanda" termasuklah nombor enjin atau casis sesuatu kenderaan motor'.

Pindaan
seksyen 108.

31. Perenggan 112(1)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas angka "45" angka ", 45A".

Pindaan
seksyen 112

32. Seksyen 117 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 117.

(a) dalam subseksyen (6)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "Ketua Pegawai Polis" dalam perenggan (a) perkataan-perkataan "atau Pesuruhjaya Polis";

(ii) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (c)\

(iii) dengan menggantikan koma di akhir perenggan (d) dengan koma bertitik;

(iv) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

"(e) mana-mana pegawai pihak berkuasa pelabuhan yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pengurus Besar pihak berkuasa pelabuhan itu,"; dan

(v) dengan memasukkan, dalam teks bahasa kebangsaan sahaja, selepas perkataan "didapati" dalam perenggan (aa) perkataan "tepat"; dan

(b) dalam subseksyen (10) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dan memperakui bahawa apa-apa kelengkapan radar atau peranti yang serupa" dengan perkataan-perkataan "atau jiruteru mekanik dan yang memperakui bahawa apa-apa kelengkapan".

Pindaan
seksyen 118.

33. Seksyen 118 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Tiap-tiap notis yang hendak diberikan di bawah Akta ini oleh Ketua Pengarah, Pengarah, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai pols hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah, Pengarah, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai polis, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau oleh orang atau orang-orang yang dari semasa ke semasa diberikuasa bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, Pengarah, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai polis dan tiap-tiap notis itu adalah sah jika tandatangan Ketua Pengarah, Pengarah, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai polis atau orang yang disebut terdahulu itu, dicetak atau ditulis di atasnya:

Dengan syarat bahawa apa-apa notis bertulis di bawah Akta ini kepada mana-mana orang supaya memberikan butir-butir kepada Ketua Pengarah, atau apa-apa notis di bawah Akta ini yang menghendaki kehadiran mana-mana orang atau saksi di hadapan Ketua Pengarah, hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau oleh mana-mana orang yang diberikuasa olehnya seperti disebut terdahulu."

Pindaan
seksyen 120.

34. Perenggan 120(1)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "Ketua Pegawai Polis" perkataan-perkataan ", Pesuruhjaya Polis".

Seksyen
baru 124A

35. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 124 seksyen yang berikut:

Penytiharan
badan
awam. 124A. Menteri boleh mengisytiharkan mana-mana badan sebagai badan awam bagi maksud Akta ini."

36. (1) Subseksyen 128(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "kenderaan perdagangan dan pelesenan yang berkenaan dengannya" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan "pelesenan kenderaan perdagangan".

Pindaan
seksyen 128,
dll.

(2) Subseksyen 57(1) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "kenderaan perdagangan dan pelesenan yang berkenaan dengannya" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan "pelesenan kenderaan perdagangan".

37. (1) Pindaan yang terdapat dalam subseksyen 36(1) hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral seksyen 128 Akta ibu mulai dari 1hb Januari 1988 dan apa-apa tindakan yang telah dilakukan atau prosiding yang telah dimulakan berkenaan dengan kenderaan perdagangan semasa tempoh antara tarikh tersebut dan mula berkuatkuasanya Akta ini dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai sah dan sentiasa dan pada setiap masa sah dan menurut undang-undang.

Pengesahan.

(2) Pindaan dalam Subseksyen 36(2) hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral seksyen 57 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 mulai dari 1hb Januari 1988 dan apa-apa tindakan yang telah dilakukan atau prosiding yang telah dimulakan berkenaan dengan pelesenan kenderaan perdagangan semasa tempoh antara tarikh tersebut dan mula berkuatkuasanya Akta ini dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai sah dan sentiasa dan pada setiap masa sah dan menurut undang-undang,

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987, disebut "Akta" kemudian daripada ini.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif-takrif baru dan untuk meminda takrif-takrif yang sedia ada.
3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 3A untuk memberi Menteri kuasa untuk memberikuasa, melalui perintah, Datuk Bandar mana-mana Majlis Bandaraya dan pegawainya menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas-tugas yang dikenakan oleh Akta ini ke atas Dato Bandar dan warden lalulintas. Menteri boleh, dalam perintah itu, menghadkan kuasa-kuasa yang hendak diberikan.
4. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 10(1) Akta untuk membolehkan permohonan bagi pendaftaran sesuatu kenderaan motor dibuat kepada Pengarah mana-mana kawasan pendaftaran dan tidak lagi kepada Pengarah kawasan pendaftaran di mana kenderaan itu disimpan atau akan biasanya disimpan atau Pengarah kawasan di mana tempat urusan utama pemunya kenderaan itu terletak sebagaimana kehendak sekarang. Pindaan ini boleh diadakan dengan pengkomputeran Jabatan Pengangkutan Jalan.
5. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen 12(2) untuk membenarkan pemunya berdaftar memberitahu Pengarah mana-mana kawasan pendaftaran mengenai apa-apa pertukaran yang akan menjejaskan ketepatan apa-apa catatan dalam daftar. Ia juga bertujuan menghendaki pemunya berdaftar mendapatkan kelulusan terdahulu Ketua Pengarah sebelum menukar casis sesuatu kenderaan motor.
6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 13 untuk membenarkan pemunya kenderaan motor memberitahu mana-mana Pengarah tentang niatnya untuk menukar pemunyaan kenderaannya.
7. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 14 untuk menambah denda maksimum bagi kesalahan di bawah seksyen itu daripada dua ratus kepada tiga ratus ringgit.
8. *Fasal 9(a)* bertujuan membuat pelbagai pindaan kepada subseksyen 17(1). Dengan pindaan-pindaan ini, Pengarah berhak untuk tidak memberikan suatu lesen kenderaan motor dalam hal jika butir-butir pengenalan kenderaan motor, termasuk nombor enjin dan casis, adalah tak terang, tak jelas atau telah diusik dan tidak serupa dengan butir-butir dalam perakuan pendaftaran dan dalam hal jika dia berpuas hati bahawa pemohon mempunyai perkara atau hal yang belum diselesaikan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. *Fasal 9(b)* bertujuan memasukkan subseksyen baru (1A) kepada seksyen 17 yang akan membolehkan pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala menggunakan perakuan pemeriksaan yang sah sebagai bukti bahawa kenderaan itu adalah dalam keadaan mekanikal yang baik dan dalam keadaan selamat di jalan.

9. *Fasal 10* bertujuan meminda subseksyen 19(1) untuk membenarkan pemunya kenderaan motor menyerahkan lesen kenderaan motornya kepada mana-mana Pengarah bagi maksud mendapatkan rebat.

10. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 20 untuk mengecualikan pemunya-pemunya motosikal dan kenderaan orang cacat daripada kena melekatkan dan mempamerkan lesen kenderaan motor pada motosikal dan kenderaan orang cacat untuk mengurangkan kejadian kehilangan lesen tersebut.

11. *Fasal 12* bertujuan meminda subseksyen 22(7) untuk membenarkan pemunya lesen perdagangan motor menyerahkan lesennya kepada Pengarah mana-mana kawasan pendaftaran.

12. *Fasal 14* bercadang menggantikan seksyen 36, iaitu seksyen berhubungan dengan penggantungan lesen memandu seorang penagih dadah, dengan seksyen 36 baru. Di bawah peruntukan-peruntukan baru, Ketua Pengarah diberikan kuasa untuk menggantung bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun, lesen seseorang yang disyaki sebagai penagih dadah, atau untuk menghilangkan kelayakan orang itu daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu jika selepas penggantungan lesennya, dia masih menjadi penagih dadah. Walau bagaimanapun seseorang yang memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa dia bukan lagi seorang penagih dadah, boleh mendapat kembali lesennya.

13. *Fasal 16* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada seksyen 38 berbangkit daripada seksyen 36 baru.

14. *Fasal 17* bertujuan memasukkan seksyen baru 45A, 45s, 45c, 45o, 45E, 45F dan 45G. Suatu kesalahan baru diwujudkan dalam seksyen baru 45A, iaitu, memandu atau cuba memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol dalam badan melebihi had yang ditetapkan. Seksyen baru 45b memperkatakan ujian nafas permulaan. Seksyen baru 45c memperkatakan penyiasatan kesalahan di bawah seksyen 44, 45 atau 45A. Seksyen baru 45F memperkatakan keterangan dalam presiding bagi kesalahan di bawah seksyen 44, 45 atau 45A.

15. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 48 untuk menjadikan kesalahan bagi seseorang pemandu, dan istilah ini sekarang termasuk orang yang pada masa itu bertanggungjawab memandu sesuatu kenderaan motor, untuk menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tak berpatutan kepada pengguna-pengguna jalan yang lain atau kepada lalulintas dengan cara dia meletakkan kenderaan motornya di jalan itu.

16. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 50 untuk menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang untuk berada di mana-mana jalan bagi maksud mendesak mana-mana orang lain berkenaan dengan

penjagaan atau penyucian sesuatu kenderaan motor atau bagi maksud mengarahkan mana-mana pemandu berkenaan dengan meletak kereta di jalan itu. Peruntukan yang sedia ada menghadkan kesalahan itu kepada pelakuan sedemikian di mana-mana tempat meletak kereta sahaja.

17. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 53 untuk membolehkan warden lalulintas mengemukakan notis dalam borang ditetapkan kepada seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta supaya hadir di mahkamah Majistret yang terdekat sebagai ganti membuat permohonan di mahkamah bagi suatu saman. Di bawah peruntukan yang sedia ada, kuasa ini terletak pada polis dan pegawai pengangkutan jalan sahaja.

18. *Fasal 21* bertujuan meminda subseksyen 58(2) untuk membolehkan seseorang pegawai polis, warden lalulintas atau pegawai pengangkutan jalan menghendaki mana-mana orang yang menjaga sesuatu kenderaan motor di jalan supaya mengemukakan lesen memandunya untuk pemeriksaan pada bila-bila masa dan bukan sahaja atas syak yang munasabah mengenai pelakuan sesuatu kesalahan.

19. *Fasal 22* bertujuan membetulkan subseksyen 65(4) teks bahasa kebangsaan.

20. *Fasal 23* bertujuan meluaskan kuasa-kuasa Menteri membuat kaedah-kaedah di bawah seksyen 66.

21. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 69 Akta untuk menjadikan kesalahan di bawah seksyen itu bagi seseorang untuk gagal mematuhi had laju kebangsaan.

22. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 70 Akta dengan menambah subseksyen baru (1A). Subseksyen baru ini memberi Menteri kuasa untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian kenderaan motor daripada jenis atau kategori tertentu oleh orang atau orang-orang yang dikenalpasti oleh Menteri dalam perintah yang berhubungan dengannya itu.

23. *Fasal 26* bertujuan meminda seksyen 71 untuk membolehkan mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan menghadkan pemanduan atau penggunaan mana-mana kelas atau perihal kenderaan di sepanjang mana-mana jalan di dalam kawasan yang di bawah kuasanya.

24. *Fasal 28* bertujuan memasukkan seksyen baru 85A yang memperkatakan pembinaan struktur bagi iklan, dsb.

25. *Fasal 29* bertujuan meminda subperenggan 90(5)(a)(iii) untuk menjelaskan bahawa berkenaan dengan sesuatu perbandaran atau pihak berkuasa tempatan, hanya kenderaan-kenderaan selain daripada semua kategori kenderaan perkhidmatan awam (kecuali kenderaan pekerja), adalah dikecualikan daripada peruntukan seksyen 90.

26. *Fasal 30* bertujuan meminda subseksyen 108(6) untuk memasukkan takrif bagi ungkapan "tanda".

27. *Fasal 32* bertujuan meminda subseksyen 117(6) untuk memasukkan, sebagai salah satu daripada perakuan yang hendaklah diterima di mana-mana mahkamah sebagai *bukti prima facie* fakta-fakta yang diperakuan dalamnya, suatu perakuan yang ditandatangani oleh mana-mana pegawai diberikuasa pihak berkuasa pelabuhan.

28. *Fasal 35* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana badan sebagai badan awam bagi maksud-maksud Akta.

29. *Fasal 36* bertujuan meminda seksyen 128 untuk mencerminkan secara betul niat bahawa hanya peruntukan-peruntukan yang tidak berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan sahaja yang sepatutnya dimansuhkan di bawah Akta. Berikutan dengan itu seksyen 57 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dipinda untuk menjelaskan bahawa hanya peruntukan yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan sahaja dimansuhkan oleh Akta itu dan bahawa perundangan subsidiari berkenaan dengan pelesenan kenderaan perdagangan dikekalkan di bawah Akta itu.

30. *Fasal 37* bertujuan menjadikan pindaan dalam *fasal 36* sebagai bahagian integral Akta itu masing-masing dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta-Akta itu dan untuk mengesahkan apa-apa tindakan atau presiding semasa tempoh antara tarikh mula berkuatkuasanya Akta-Akta itu dan mula berkuatkuasanya Akta ini.

31. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan berbangkit atau kecil sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1508.]